

06 OCT 1997

KENG YAIK SARAN RAKYAT MALAYSIA BERJIMAT CERMAT

Oleh: Muammar Kamaruddin

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, hari ini yang menyatakan sokongannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah melabelkan tiga ancaman asing kepada negara: rakyat asing yang memanipulasikan pasaran kewangan, jerebu dari negara asing dan pekerja asing.

Malaysia memerlukan pelabur asing kerana negara ini mengamalkan ekonomi yang terbuka, tetapi negara tidak memerlukan mereka jika mereka mula menjajah ekonomi; negara memerlukan pekerja asing tetapi tidak boleh membiarkan mereka menimbulkan lebih banyak masalah sosial, katanya.

Dalam keadaan kesukaran ketika ini, beliau berkata, rakyat Malaysia mestilah bersatu padu serta mengamalkan sikap berjimat cermat bagi berhadapan dengan penyusutan nilai ringgit dan penurunan pasaran saham.

"Keadaan ketika ini bukanlah kemelesetan ekonomi. Ia hanya satu keadaan yang mendatar (daripada keluaran ekonomi) berikutan manipulasi mata wang," katanya kepada para pemberita selepas majlis perasmian Pameran dan Persidangan Getah Antarabangsa di sini.

Asas ekonomi Malaysia, katanya selaras dengan kestabilan politik, tenaga pekerja yang berkemahiran dan gigih bekerja serta sumber asli yang melimpah ruah.

Rakyat Malaysia sepatutnya lebih berdaya saing dalam pasaran antarabangsa daripada membiarkan media asing terus mengkritik Dr Mahathir, tambahnya.

Dr Lim berkata rakyat Malaysia tidak sepatutnya melupakan kepimpinan Dr Mahathir sejak 16 tahun lalu yang menerajui negara untuk membangun dengan pesat dan memperolehi banyak keuntungan. Apabila Malaysia mengalami kemelesetan ekonomi pada 1986 dan 1987, kepimpinan Dr Mahathir yang telah berjaya membawa negara keluar daripada tempoh tertekan itu.

Dr Lim, yang juga presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia, berkata: "Rakyat asing tahu PM menyatakan apa yang benar dan mereka menggunakan saluran media antarabangsa untuk mengasingkan PM daripada masyarakat awam negara ini.

Beliau berkata sektor berasaskan kepada sumber asli dan komoditi mempamerkan prestasi menggalakkan dan menyumbang 30 peratus daripada pendapatan asing Malaysia.

Bagaimanapun, beliau menambah: "Kita tidak boleh berbelanja dengan boros walaupun mempunyai banyak wang."

Dr Lim berkata Malaysia mestilah memberi keutamaan baru dengan mengurangkan defisit imbalan pembayaran, menyamakan tahap pendapatan untuk meningkatkan produktiviti dan mengkaji semula pergantungan terhadap pekerja-pekerja asing.

Beliau mencadangkan pekerja-pekerja asing disalurkan kepada sektor yang menghasilkan pulangan yang berkadar tinggi kepada negara.

Mengenai lompat kerja, beliau berkata sudah sampai masanya bagi pengurusan untuk berfikir dua kali sebelum menawarkan gaji yang tidak menepati pembahagian kepada produktiviti tenaga pekerja.

Mengenai pasaran kewangan, Dr Lim berkata mereka memerlukan beberapa jenis peraturan dan malahan George Soros sendiri juga memerlukan mekanisme seperti itu untuk mengatur pasaran bebas, di mana beliau membuat wang. --

BERNAMA

MK ZK